

SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 01/2005 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Jabatan Perdana Menteri sukacita mengucapkan "Selamat Tahun Baru Masihi 2005" kepada semua pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam termasuk mereka yang bertugas di Suruhanjaya-Suruhanjaya Tinggi dan Kedutaan-Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam serta agensi-agensi Kerajaan di seberang laut.

Dengan tulus ikhlas Jabatan Perdana Menteri merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan di atas taat setia dan sokongan yang berterusan yang diberikan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga sumbangan ikhlas yang diberikan sepanjang tahun 2004.

Kerjasama dari semua pihak dalam menjadikan Perkhidmatan Awam ini sebagai jentera pelaksana dasar dan program pembangunan negara telah dapat terus menjamin dan memantapkan lagi kualiti kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini.


Disepanjang tahun 2004, kita telah melihat beberapa perkembangan yang menggalakkan terutama sekali dalam langkah memanfaatkan teknologi informasi dan komunikasi (ICT) dalam Perkhidmatan Awam. Usaha menuju ke arah e-Kerajaan ini merupakan satu langkah penting dalam meningkatkan mutu serta produktiviti Perkhidmatan Awam. Bagi agensi-agensi kerajaan yang masih belum melangkah ke arah ini adalah diingatkan bahawa program e-Kerajaan dibawah Rancangan Kemajuan Negara ke 8 akan berakhir pada tahun ini. Oleh yang demikian, usaha hendaklah dipergiatkan supaya ia akan dapat dilaksanakan seperti yang dirancang.

Tahun 2004 juga menyaksikan penerusan beberapa program yang bertujuan meningkatkan lagi mutu perkhidmatan awam. Antaranya ialah program pensejajaran dan perancangan strategik, dasar '100 jam latihan', Audit Dalaman, serta Integriti dalam Perkhidmatan Awam. Disamping itu projek-projek seperti Tekad Pemedulian Orang Ramai, Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam serta Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang juga masih diteruskan.

Perlu juga diambil ingatan banyak program-program lain seperti Kumpulan Tindakan, Rukun Akhlak Etika Kerja dan Bersopan Santun yang masih relevan kepada kita. Program-program ini telah membuktikan faedah-faedahnya dan hendaklah tidak dianggap sebagai "fad" semusim sahaja tetapi hendaklah diteruskan di tahun-tahun akan datang.

Disebalik usaha-usaha berterusan ini, kita masih menerima aduan-aduan dan sungutan-sungutan orang ramai. Aduan dan sungutan ini tidak semestinya mencerminkan kelemahan kita tetapi membuktikan bahawa apa pun jua usaha yang kita ambil, tuntutan kehendak dan keperluan orang ramai sentiasa meningkat dari masa kesemasa sesuai dengan perkembangan dan pembangunan negara. Ia hendaklah kita terima sebagai satu cabaran serta peluang bagi lebih menguatkan semangat dan azam untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik lagi dimasa-masa akan datang .

Negara Brunei Darussalam sebagaimana juga negara-negara lainnya berada dalam arena persaingan pembangunan menyeluruh. Kearah ini kita perlu mewujudkan iklim yang kompetitif yang membolehkan pertumbuhan dan pembangunan negara yang berterusan. Untuk itu, kerjasama antara semua agensi kerajaan adalah penting supaya kita benar-benar boleh bertindak sebagai satu unit pembuka pintu atau pemudahcara pembangunan negara. Kearah ini penyediaan perancangan strategik kementerian-kementerian adalah sangat penting untuk disediakan bagi mencapai matlamat, misi dan



visi setiap kementerian disamping akan dapat membantu untuk lebih fokus keatas perkhidmatan dan tanggungjawab yang dilaksanakan. Melalui perancangan strategik agensi-agensi berkenaan akan dapat menggunakan sumber-sumber yang ada secara berkesan dan maksima serta menghindarkan sebarang duplikasi dan pembaziran sumber.

Dalam menangani kehendak dan keperluan orang ramai mengukuhkan daya saing negara kita, seluruh pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam hendaklah sentiasa menilai semula perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai dan mencari jalan bagaimana meningkatkannya. Kita tidak boleh mengelakkan diri dari perubahan kerana perubahan itu adalah penting bagi kemajuan. Kita perlu merubah budaya kerja kita dan mempunyai daya pemikiran yang kreatif dan inovatif yang membolehkan kita melihat satu-satu isu, agenda atau pemberian perkhidmatan itu melalui perspektif yang lain, diluar dari kerangka pemikiran tradisional, yang boleh membuahkan alternatif-alternatif yang lebih efisien, efektif, praktikal dan menguntungkan orang ramai yang menjadi pelanggan Perkhidmatan Awam.

Marilah kita jadikan tahun 2005 ini sebagai tahun untuk menguji daya kreatif dan inovatif kita kerana tanpa adanya usaha seperti ini kita mungkin akan terus menerus memberikan perkhidmatan dengan menggunakan kaedah-kaedah dan proses-proses yang sudah tidak sesuai lagi dengan zamannya. Kita hendaklah sentiasa meyedari bahawa kita memberikan perkhidmatan kepada orang ramai yang sentiasa progresif bukan sahaja dari segi kehidupan tetapi juga dari segi daya pemikiran.

Pada waktu yang sama, marilah kita sama-sama muhasabah diri dan merenung apakah sumbangan yang telah kita berikan ditahun lalu sesuai dengan apa yang dikehendaki dari diri kita sebagai seorang pegawai atau kakitangan Perkhidmatan Awam dan bagaimanakah kita akan meningkatkannya dalam tahun 2005 ini.

Selamat Tahun Baru Masehi 2005 dan sama-samalah kita berdoa semoga tahun 2005 ini akan lebih baik lagi dari tahun lepas dan semoga seluruh anggota perkhidmatan awam akan sentiasa mendapat petunjuk dan hidayah serta rahmat Allah Subhanahu Wataala.

PEHIN ORANG KAYA PEKERMA LAILA DIRAJA
[Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah]
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA 1000
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : (01)JPM/SK/2005
Tarikh : 22 Zulkaedah 1425
03 Januari 2005